



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

23 OGOS 2016/20 ZULKAEDAH 1437H (SELASA)

MAJLIS PENGANUGERAHAN SYARIKAT DAN KOPERASI TERBAIK TAHUN 2015

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KUALA LUMPUR - YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hari ini merasmikan dan menyempurnakan Majlis Penganugerahan Syarikat dan Koperasi Terbaik Tahun 2015 KKLW bertempat di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA Jalan Ampang, di sini.

Bagi tahun 2015, Agensi/Jabatan telah mencalonkan sebanyak 25 buah syarikat dan 26 buah koperasi untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

Kriteria Syarikat Terbaik Tahun 2015

Kriteria pemilihan syarikat terbaik dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A (95%) dan Bahagian B (5%). Bahagian A terdiri daripada lima (5) kriteria iaitu Prestasi Kewangan (65%), Prestasi Fizikal (20%), Obligasi Sosial (5%), Good Governance (5%) dan Ketidakbergantungan Kepada Sumber Dalaman (5%). Bahagian B pula terdiri daripada dua (2) kriteria iaitu Inovasi/Perubahan (3.5%) dan Pengiktirafan (1.5%).

Kriteria Koperasi Terbaik Tahun 2015

Penilaian koperasi terbaik berdasarkan kepada tiga (3) kriteria iaitu Prestasi Kewangan (50%), Saiz Koperasi (30%) dan Prestasi Bukan Kewangan (20%).

Kategori penganugerahan dan Senarai Pemenang:

i. Anugerah Syarikat Terbaik – Kategori Modal Berbayar RM5 juta dan ke atas

- a. Pertama : Asia Aerotechnic Sdn. Bhd.
- b. Kedua : Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd.
- c. Ketiga : RISDA Plantation Sdn. Bhd.

ii. Anugerah Syarikat Terbaik – Kategori Modal Berbayar kurang RM5 juta

- a. Pertama : RISDA Fleet Sdn. Bhd.
- b. Kedua : FELCRA Processing and Engineering Sdn. Bhd,
- c. Ketiga : FELCRA Training & Consultancy Sdn. Bhd.

iii. Anugerah Koperasi Terbaik – Kategori Koperasi Kakitangan Agensi

- a. Pertama : Koperasi Pelaburan Pekerja-Pekerja KEJORA Kota Tinggi Berhad
- b. Kedua : Koperasi Bumira Berhad (MARA)
- c. Ketiga : Koperasi KEMAS Negeri Sembilan Berhad

iv. Anugerah Koperasi Terbaik – Kategori Koperasi Peserta / Seliaan Agensi

- a. Pertama : Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad
- b. Kedua : Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad
- c. Ketiga : Koperasi Pekebun Kecil Daerah Larut Matang

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Tel: 03-8891 5946, Faks: 03-8888 2367
Emel: ukk@rurallink.gov.my**